

Tarikh : 31 Oktober 2019

No. rujukan : ES10170020

Kepada: Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN MSPO KE ATAS SIME DARBY PLANTATION BERHAD – STRATEGIC OPERATING UNIT (SOU) 5 SELABA

Sime Darby Plantation Berhad – Strategic Operating Unit (SOU) 5 Selaba telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2013.


MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembanggunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut :

- | | | | |
|----|--|---|---|
| 1. | Nama unit pengurusan | : | Sime Darby Plantation Berhad – Strategic Operating Unit (SOU) 5 Selaba |
| 2. | Tarikh mula audit | : | 3 Disember 2019 |
| 3. | Tarikh akhir audit | : | 6 Disember 2019 |
| 4. | Lokasi audit | : | Kilang Kelapa Sawit Selaba, Lot No.7376, KM7 Jalan Changkat Jong, 36000 Teluk Intan, Perak, Malaysia |
| 5. | Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit | : | 5,891.12 Ha |
| 6. | Standard yang digunakan | : | MS 2530-3:2013 and MS 2530-4:2013
Standard ini boleh dibeli melalui http://www.msonline.gov.my/catalog.php |
| 7. | Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran | : | Mohd Ab Raouf Asis (Isu Sosial, GHG)
Mohd Zulfakar Kamaruzaman (Biodiversiti, Isu Sosial)
Selvasingam T Kandiah (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Isu Alam Sekitar)
Mohd Norddin Abd Jalil (Amalan Perladangan Baik) |



Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan sebelum **3 Disember 2019**. Jika perlu, pasukan audit akan mengatitkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar:



Kamini A/P M. Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn Bhd.

REPLY FORM

Attention:
Ms. Kamini A/P Sooriamoorthy
Head,
Food, Agriculture and Forestry Section
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, 40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel. no. : 03-55446448
Fax no.: 03-55446763
Email : kamini@sirim.my

FEEDBACK ON MSPO AUDIT AT : _____

I refer to your letter dated for the MSPO audit at the above audit site. I would like to confirm that:

[] I have no issues to be raised against the audit site

[] I have the following issues against the audit site

[] Issues related to legal compliance Please elaborate: _____

[] Issues related to social aspect Please elaborate: _____

[] Issues related to environment Please elaborate: _____

[] Issues related to health & safety Please elaborate: _____

[] Others Please elaborate: _____

[] I would like SIRIM audit team to arrange discussion with the following person for further details

Name : _____

Position : _____

Contact no. : _____

Email address : _____

Thank you

Yours sincerely,

.....
Name :
Address :
Contact no. :